

## **Dasar Privasi**

**Akta Perlindungan Data Peribadi 2010** (selepas ini dirujuk sebagai “Akta”) sekarang telah dikuatkuasakan. Hunza Properties Berhad (selepas ini dirujuk sebagai “Hunza”) bersama dengan syarikat-syarikat berkaitan dengan Hunza (selepas ini Hunza and syarikat-syarikat berkaitan Hunza dirujuk sebagai “Kumpulan Hunza”) menghargai privasi anda dan kami adalah komited untuk melindungi Data Peribadi anda (sepertimana yang ditentukan di bawah Akta) yang telah diamanahkan kepada kami.

Dalam urusan anda dengan Kumpulan Hunza anda akan diminta untuk mendedahkan Data Peribadi tertentu kepada kami. Dasar Privasi ini adalah selaras dengan peruntukan Akta dan menetapkan cara kami mengumpul, menyimpan dan menggunakan Data Peribadi anda.

### **A. Penggunaan Data Peribadi Yang Dikumpulkan**

Data Peribadi anda adalah dikumpul, diguna dan diproses oleh Kumpulan Hunza untuk, di kalangan lain, tujuan-tujuan berikutnya :-

- (1) Untuk membolehkan anda untuk memasuki perjanjian dan/atau kontrak yang diperlukan untuk membeli produk dan/atau hartanah daripada Kumpulan Hunza;
- (2) Untuk menjawab pertanyaan, pengaduan and/atau maklum balas anda, untuk mengepos komen atau pernyataan anda di mana-mana blog, rangkaian social atau lain-lain forum dalam talian yang dikekalkan dalam mana-mana laman web yang dimiliki oleh Kumpulan Hunza atau untuk mengambil apa-apa tindakan lain untuk menjawab pertanyaan, pengaduan and/atau maklum balas anda;
- (3) Untuk berkomunikasi, pasaran langsung dan menghantar pengemaskinian kepada anda mengenai produk, hartanah, projek dan pembangunan masa depan Kumpulan Hunza atau until tujuan pemasaran dan promosi lain yang berkaitan dengan produk, hartanah, projek dan pembangunan masa depan atau yang dicadangi oleh Kumpulan Hunza;
- (4) Untuk berkomunikasi, pasaran langsung dan menghantar pengemaskinian kepada anda mengenai jenama, produk, perkhidmatan, acara dan promosi yang ditawarkan oleh parti bersekutu dan rakan kongsi/perniagaan Kumpulan Hunza atau until tujuan pemasaran dan promosi lain yang berkaitan dengan jenama, produk, perkhidmatan, acara, promosi yang ditawarkan oleh parti bersekutu dan rakan kongsi/perniagaan Kumpulan Hunza kecuali jika anda telah sebaliknya menunjukkan bahawa anda tidak mahu untuk kami memproseskan Data Peribadi untuk tujuan-tujuan seperti yang dinyatakan di atas;
- (5) Untuk mewujudkan promosi yang diubah suai untuk anda dengan mengabungi Data Peribadi anda dengan maklumat bukan peribadi mengenai anda (cth. jenis and nilai hartanah yang dibeli oleh anda atau yang anda telah menunjukkan minat);
- (6) Untuk tujuan dalaman seperti untuk menilaikan keberkesanan aktiviti pemasaran dan promosi Kumpulan Hunza dan juga untuk penyelidikan pasaran, profil dan analisis statistik;
- (7) Untuk meningkatkan taraf produk, hartanah dan perkhidmatan Kumpulan Hunza dan untuk membantu Kumpulan Hunza dalam pengeluaran produk, hartanah and perkhidmatan baru;
- (8) Untuk membolehkan Kumpulan Hunza untuk dengan yang lebih baik memenuhi keperluan kerumahan anda sekarang dan pada masa hadapan;
- (9) Untuk menjalankan penilaian kredit, pemeriksaan kewangan dan later belakang jika dan apabila difikirkan perlu;

- (10) Untuk tujuan penyerahan milikan kosong hartanah kepada anda, penyerahan kunci hartanah anda, pengurusan harta/hartanah, jagaan pelanggan dan/atau kerja-kerja pembaikan kecacatan;
- (11) Untuk tujuan menyediakan perkhidmatan pasca milikan kosong seperti perkhidmatan rumah kelab, keselamatan dan program kesihatan pelanggan;
- (12) Untuk menganjur dan mentadbir promosi dan lain-lain aktiviti (cth. pameran bergerak, pelancaran hartanah) dan untuk menjalankan pengiklanan, mengawakan dan pemasaran yang hanya berkaitan dengan promosi dan lain-lain aktiviti seperti yang dinyatakan sebelum ini
- (13) Untuk penyimpanan rekod dalaman Kumpulan Hunza;
- (14) Untuk mengambil apa-apa tindakan yang diperlu untuk melindungi, menjalankan dan menguatkuasakan hak-hak dan tanggungjawab-tanggungjawab kontraktual dan undang-undang Kumpulan Hunza;
- (15) Untuk tujuan-tujuan lain sepertimana dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang atau peraturan yang berkaitan dengan dan untuk membuat pendedahan di bawah kehendak mana-mana undang-undang yang terpakai, peraturan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang kecil, garis panduan, pekeliling, kod yang terpakai kepada Kumpulan Hunza;
- (16) Untuk pengelakan penipuan atau mana-mana aktiviti jenayah dan untuk membolehkan kami mematuhi dengan mana-mana undang-undang yang terpakai, peraturan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang kecil, garis panduan, pekeliling, kod yang terpakai atau untuk membantu dalam penguatkuasaan undang-undang dan penyiasatan oleh pihak berkuasa yang berkenaan;
- (17) Untuk membolehkan Kumpulan Hunza untuk membekal dan mengemukakan Data Peribadi anda kepada badan-badan Kerajaan/agensi-agensi/pihak-pihak berkuasa tempatan dan institut-institut yang berikut :-
  - (a) Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan;
  - (b) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja;
  - (c) Pertubuhan Keselamatan Sosial;
  - (d) Lembaga Hasil Dalam Negeri;
  - (e) Pejabat Tanah dan Galian;
  - (f) Pihak Berkuasa Tempatan;
  - (g) Juruaudit Dalaman;
  - (h) Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rendah atau tribunal;
  - (i) Syarikat Insurans;
  - (j) Juruaudit ISO; dan
  - (k) Lain-lain badan-badan/agensi-agensi/pihak-pihak berkuasa tempatan Kerajaan dan institut-institut jika dan apabila difikirkan perlu.
- (18) Untuk membolehkan Kumpulan Hunza untuk membekal dan mengemukakan Data Peribadi anda kepada badan-badan bukan Kerajaan/persatuan-persatuan/agensi-agensi dan institut-institut siswa yang berikut :-
  - (a) Indah Water Konsortium;
  - (b) Tenaga Nasional Berhad;
  - (c) Bank-bank dan institute-institut kewangan;
  - (d) Syarikat insurans;
  - (e) Juruaudit kewangan luar;
  - (f) Syarikat firma undang-undang; dan
  - (g) Lain-lain badan-badan bukan Kerajaan/ persatuan-persatuan/agensi-agensi dan institut-institut siswa jika dan apabila difikirkan perlu.

- (19) Untuk tujuan-tujuan lain sebagaimana yang dipersetujui oleh anda; dan
- (20) Untuk semua tujuan lain yang bersampingan atau berkaitan dengan mana-mana seperti tersebut di atas, termasuk pendedahan kepada dan pemprosesan oleh mana-mana pembekal pihak ketiga sumber luar perkhidmatan dan/atau rakan kongsi pemasaran Kumpulan Hunza.

**B. Jenis Data Peribadi Yang Dikumpul**

Butiran tepat, jenis dan sifat Data Peribadi yang dikumpul oleh Kumpulan Hunza akan berbeza mengikut tujuan tertentu yang diperlukan tetapi akan antara lain termasuk Data Peribadi berikutan daripada atau berhubung dengan anda : -

- (1) Nama;
- (2) Alamat Surat-menyurat;
- (3) Nombor Telefon (Rumah/Telefon Bimbit);
- (4) Alamat E-mel;
- (5) Nombor NRIC dan/or jenis pengenalan lain;
- (6) Umer;
- (7) Pekerjaan;
- (8) Pendapatan;
- (9) Status Perkahwinan;
- (10) Jantina;
- (11) Bangsa;
- (12) Kewarganegaraan;
- (13) Tarikh Kelahiran;
- (14) Keutamaan Perumahan (cth. lokasi, jenis, harga); dan
- (15) Maklumat-maklumat lain sepertimana yang Kumpulan Hunza difikirkan adalah diperlukan oleh Hunza atau Kumpulan Hunza dari semasa ke semasa bergantung kepada acara atau promosi yang dijalankan dan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan (cth. kekerapan lawatan, jenis kedai yang dikunjungi, lain-lain).

**C. Sumber Data Peribadi Anda**

Kami mungkin memperoleh Data Peribadi anda daripada sumber-sumber berikut :-

- (1) Secara langsung daripada anda; dan
- (2) Secara sahnya daripada pihak ketiga atau pembekal perkhidmatan yang lain dan di mana anda telah memberi bersetuju dan membenarkan mereka mendedahkan Data Peribadi anda.

**D. Pendedahan Data Peribadi Anda**

Hunza akan memastikan bahawa Data Peribadi anda disimpan sulit tetapi daripada semasa ke semasa Hunza mungkin mendedahkan Data Peribadi anda kepada parti-parti tersebut :-

- (1) Entiti-entiti lain dalam Kumpulan Hunza termasuk yang diperbadankan pada masa hadapan;
- (2) Ejen yang telah diberi kuasa oleh Kumpulan Hunza dan pembekal perkhidmatan yang di mana Kumpulan Hunza mempunyai kontrak dengan mereka untuk beberapa fungsi, perkhidmatan dan aktiviti Kumpulan Hunza;
- (3) Pedagang, penjual, pembekal, kontraktor, dan rakan kongsi stretejik Kumpulan Hunza;
- (4) Juruaudit, perunding, peguam, akauntan atau penasihat professional lain yang dilantik oleh Kumpulan Hunza berhubung dengan perniagaan Kumpulan Hunza dan hal-ehwal lain yang berkaitan;
- (5) Parti-parti lain yang telah kamu memberi kuasa ;
- (6) Sekiranya ada penggabungan, pemerolehan, penyusunan semula, pembentukan semula, pelaburan, pembiayaan or penjualan aset atau mana-mana situasi lain yang melibatkan pemindahan sebahagian atau kesemuanya aset perniagaan Hunza atau Kumpulan Hunza, Kumpulan Hunza boleh mendedahkan Data Peribadi kepada mereka yang terlibat di dalam transaksi, perundingan atau pemindahan yang tersebut sebelum ini; dan
- (7) Penguatkuasaan, agensi-agensi kawal selia dan/atau agensi-agensi kerajaan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang, yang diberi kuasa oleh mana-mana perintah mahkamah atau untuk memenuhi kewajipan Hunza kepada mana-mana penguat kuasa, agensi-agensi kawal selia dan/atau agensi-agensi kerajaan.

**E. Tempoh Penyimpanan Data Peribadi Anda**

Kumpulan Hunza akan mengekalkan Data Peribadi anda untuk tempoh masa sebagaimana yang diperlukan untuk membolehkan kami memenuhi tujuan-tujuan seperti yang dinyatakan di bawah Perkara A di atas.

**F. Tanggungjawab Anda**

Anda adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Data Peribadi yang diberikan kepada Kumpulan Hunza adalah benar, tepat dan lengkap dan untuk mengemaskinikan Data Peribadi anda sekiranya berlaku apa-apa perubahan atau jika dan apabila Data Peribadi anda menjadi tidak tepat, sudah lapuk atau tidak lengkap.

**G. Akes Dan Pembetulan Data Peribadi Anda**

Anda sebagai Data Subjek (sepertimana yang ditentukan di bawah Akta) mempunyai hak, tertakluk kepada bayaran fi pemprosesan oleh anda, untuk mengakses dan membetulkan Data Peribadi anda yang telah diberikan kepada Kumpulan Hunza (tertakluk kepada pengecualian tertentu).

**H. Keselamatan Data Peribadi Anda**

Kumpulan Hunza akan menggunakan usaha terbaiknya untuk menyimpan dan memproses Data Peribadi anda dengan cara yang selamat. Kumpulan Hunza akan melaksanakan perlindungan dan prosedur keselamatan yang sesuai dan yang diperlui untuk mencegah akses, kegunaan, pengubahsuaian, pemprosesan, kehilangan, kemusnahan atau kerosakan yang tidak dibenarkan atau dengan secara sengaja.

**I. Pautan Ke Laman Web Pihak Ketiga**

Notis Privai ini tidak terpakai kepada laman web pihak ketiga yang anda boleh akses dari laman web Kumpulan Hunza. Laman-laman web pihak ketiga mungkin mempunyai dasar privasi mereka sendiri.

**J. Keizinan**

Untuk membolehkan Kumpulan Hunza untuk mengumpul, mengguna, memindahkan, menyimpan dan/atau sebaliknya memproses Data Peribadi anda, kami adalah dikehendaki untuk memperolehi keizinan anda. Jika anda adalah berumur di bawah 18 tahun, sila bawa notis ini kepada perhatian ibubapa atau penjaga perundangan anda.

Dengan memberikan Data Peribadi anda kepada Kumpulan Hunza, kamu telah mengizinkan dan bersetuju untuk Kumpulan Hunza mengumpul, mengguna, memindah, meyimpan dan memproseskan Data Peribadi anda selaras dengan Notis Privasi ini.

Secaranya anda tidak lagi mahu membenarkan Kumpulan Hunza untuk mengumpul, mengguna, memindah, menyimpan dan memproseskan Data Peribadi anda, sila maklumkan kami dengan sewajarnya dan Kumpulan Hunza and memastikan penyingkiran, kemusnahan dan/atau pemadaman Data Peribadi anda daripada rekod-rekod kami.

Sekiranya anda telah membekalkan Data Peribadi pihak ke-tiga kepada Kumpulan Hunza, kami boleh meminta bantuan anda untuk memperolehi keizinan dan persetujuan daripada pihak ketiga yang dinyatakan di atas untuk penggunaan Data Peribadi mereka dan anda dengan ini bersetuju untuk menggunakan usaha terbaik anda untuk berbuat demikian. Anda adalah bertanggungjawab untuk menanggung rugi Kumpulan Hunza sekiranya kami mengalami apa-apa kehilangan atau kerugian akibat daripada kegagalan anda untuk mematuhi dengan yang sama.

**K. Pegawai Perlindungan Data Peribadi**

Sekiranya anda ingin mempunyai akses kepada Data Peribadi anda atau untuk mengemas kini atau membuat apa-apa pembetulan dengannya atau jika anda ingin menarik balik keizinan anda kepada mana-mana penggunaan Data Peribadi anda atau anda mempunyai sebarang soalan, pertanyaan atau aduan berkaitan dengan penggunaan Data Peribadi anda boleh menghubungi Kumpulan Hunza di berikut: -

Jawatan Individu Untuk Dihubungi	:	Pegawai Perlindungan Data Peribadi
Alamat E-mel	:	<a href="mailto:hunzapdpa@hunzagroup.com">hunzapdpa@hunzagroup.com</a>
Nombor Telefon	:	(+)604-2288 266
Number Faks	:	(+)604-2288 277

**L. Perubahan dan Kemaskini Kepada Dasar Privasi Ini**

Anda adalah dinasihatkan untuk untuk sentiasa memeriksa laman web Kumpulan Hunza untuk sebarang perubahan dan/atau kemaskini kepada Dasar Privasi ini.

**M. Ketidakseragaman**

Jikalau terdapat sebarang ketidakseragaman di antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Dasar Privasi ini, maka versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.